



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	7/8/2019	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Beruang matahari ancam peneroka Felda Perasu

GUA MUSANG - Peneroka di Rancangan Tanah Felda Perasu di sini, hidup dalam ke-bimbangan selepas seekor beruang matahari dilihat merayau-rayau di kawasan penempatan mereka sejak seminggu lalu.

Seorang peneroka, Mustafa Wahab, 56, berkata, kelibat beruang yang tidak diketahui jantainya itu kerap dijumpai penduduk di kawasan berhampiran rumah mereka.

Katanya, bagi menjaga keselamatan, mereka terpaksa membawa parang ketika memasuki kebun untuk mengelak kejadian tidak diingini.

"Beruang itu bahaya kerana mempunyai kuku tajam menyebabkan penduduk bimbang keselamatan nyawa mereka.

"Kami bimbang haiwan terbabit masih bersembunyi di kawasan ladang sawit atau hutan berhampiran," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Seorang lagi peneroka, Salleh Abdullah, 59, berkata, sebelum ini pernah berlaku kejadian seorang penduduk maut diterkam beruang dalam sebuah kebun buah-buahan di Kampung Renok Baru lebih setahun lalu.

Katanya, kejadian itu berlaku di jalan menghala ke Felda Perasu dan gagal ditangkap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

"Kami risau beruang yang sama berkeliaran di Felda Perasu yang boleh mengancam keselamatan penduduk. Kebanyakan peneroka takut untuk ke kebun mereka kerana takut terserempak dengan haiwan berkenaan.

"Kita juga telah menghubungi pihak Perhilitan dan perangkap telah dipasang di kawasan berhampiran hutan," katanya.



BERUANG matahari dilihat merayau di Felda Perasu, Gua Musang, Kelantan sejak seminggu lalu.
- Gambar hiasan